

Banjir di Kedah, Perak kerana perolakan angin timuran

KUALA LUMPUR – Fenomena banjir kilat yang berlaku di Baling, Kedah dan Selama, Perak disebabkan perolakan angin timuran merentasi Banjaran Titiwangsa sehingga menyebabkan pembentukan awan yang membawa

hujan lebat di Pantai Barat Semenanjung.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar**) berkata, negeri-negeri di sebelah utara terutamanya dijangka akan mengalami hujan

lebat bersifat setempat pada waktu tengah hari, petang dan awal malam bergantung kepada pola perubahan angin tersebut.

Beliau berkata, hujan lebat selama beberapa jam disertai ribut petir itu dikhuatiri boleh

menyebabkan paras air sungai meningkat sehingga menenggelamkan kawasan-kawasan tanah rendah.

“Hujan lebat disebabkan angin Monsun Timur Laut yang dialami negara kini hanya memberi lebih ke-

san negeri Pantai Timur. Dalam situasi itu, hujan akan berlaku untuk tempoh yang lebih panjang iaitu antara satu hingga empat hari.

“Musim tengkujuh telah bermula pada 24 Oktober lalu dan diramal berakhir

Mac tahun depan dan kita menjangkakan terdapat empat episod hujan lebat menyeluruh selama tiga hingga empat hari akan berlaku dalam tempoh berkenaan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* Ahad di sini semalam.